

Slogan calon boleh menang bukan baru, Umno beri Najib lesen besar
The Malaysian Insider
02 Disember, 2011
Oleh G. Manimaran

ANALISIS, 2 Dis — Hampir pada setiap majlis berkaitan dengan Umno dan Barisan Nasional (BN) sejak setahun lalu, ketuanya Datuk Seri Najib Razak menekankan soal perpaduan dalam parti dan keperluan meletakkan calon boleh menang.

Banyak tafsiran dan definisi diberikan apa yang dimaksudkan dengan kata-kata mujarat ini - calon boleh menang.

Apakah berzanya antara senarai calon boleh menang sekarang dan dahulu? Apakah BN dan Umno sebagai parti terasnya tidak meletakkan calon yang boleh membawa kemenangan pada pilihan raya-pilihan raya sebelum ini?

Sudah pasti ia meletakkan senarai yang boleh menjamin kemenangan. Begitu juga yang dilakukan pada pilihan raya umum 2008.

Malangnya satu pertiga calon BN kalah. Ia menyebabkan kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen. Malah ia hilang lima kerajaan negeri.

Bermakna Umno dan BN tidak boleh meletakkan calon sesuka hati. Suasana tahun 1960-an dan 1970-an berbeza dengan dekad semasa.

Rakyat khususnya pengundi mahukan calon kehendak mereka. Boleh calon memenuhi kehendak parti. Fenomena baru muncul.

Dalam ucapan dasar merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Umno 2011 semalam, Najib selaku Presiden Umno dan Pengerusi BN tidak banyak memperkatakan soal calon boleh menang.

Tetapi sebahagian ucapannya menjurus kepada keperluan Umno kekal berkuasa. Antaranya kata beliau "jangan tikam dari belakang dan jangan pulak main belakang. Bak kata pepatah, janganlah telunjuk saja lurus tetapi kelingking berkait."

Malah, katanya, "bersesuaian dengan nilai kesetiaan, bila kuat hawa kasihnya kepada parti, orang Umno wajib membela dan mempertahankan parti, selagi hayat dikandung badan."

Umno sedang mengadakan perhimpunan tahunannya yang dilihat kritikal dalam menyusun strategi bagi menjamin kelangsungan parti itu. — Foto Reuters
Bertolak daripada ucapannya itu, perbahasan semalam menunjukkan ahli-ahli Umno memperlihatkan rasa taat dan setia kepada pemimpin mereka.

Mereka sudah memberi lesen besar kepada Najib melaksanakan strategi calon boleh menang.

Misalnya, Pergerakan Pemuda mahu pemilihan calon pilihan raya umum akan datang bersih daripada sindrom "guna kabel", "harap simpati", "peras ugut" dan "golden handshake" sebagai ganjaran bagi menghargai mereka yang kononnya telah berjasa.

"Pemuda akan akur dengan calon tak kira tua, muda, baru atau lama, yang dipilih oleh

Presiden tetapi kita harap tak ada calon yang 'guna kabel', 'harap simpati', 'peras ugut', serta calon daripada golongan 'golden handshake'," kata Penolong Setiausahanya Datuk Megat Firdouz Megat Junid.

Umno Johor pula mencadangkan konsep "3P" iaitu adunan pemimpin, penyokong dan pengundi sebagai resepi terbaik untuk menang dalam pilihan raya umum ke-13 – "ibu kepada segala pilihan raya umum". Wakil Perak menyarankan ahli-ahli Umno berpegang pada falsafah "5D" – dorongan, daya usaha, dedikasi, disiplin dan doa.

Ada juga pandangan supaya wakil rakyat semasa berundur bagi membolehkan strategi calon boleh menang dapat dilaksanakan dengan mudah.

Dalam senarai ini, Naib Presiden Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan, lebih ramai anggota Umno patut menyatakan hasrat tidak bertanding dalam pilihan raya umum ke-13 jika ada calon lain yang lebih baik bagi meringankan pucuk pimpinan memilih calon boleh menang.

Langkah itu akan memberi Najib selaku Perdana Menteri melakukan kerja dengan lebih mudah dan dapat mengelakkan lebih ramai yang terentak hati atau berkecil hati.

"Presiden parti tidak mahu meletakkan parang yang tajam untuk memenggal leher orang yang tidak lagi boleh memberikan kemenangan kepada parti, namun kita sendiri mesti lakukan muhasabah pada diri. Kalau kita tidak boleh memberikan kemenangan kepada parti lagi maka kita perlu mengundurkan diri," katanya dipetik Bernama Online.

Rakan sejawatannya Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata dalam keadaan landskap politik pada masa kini, keadaan telah jauh berubah. Justeru katanya, ia memerlukan anggota Umno melakukan pengorbanan demi kelangsungan perjuangan parti.

"Maknanya bila sampai masanya, cinta kita dan sayang kita pada parti berterusan, perkhidmatan kita juga berterusan sama ada di depan atau pun sebagai penyokong. Yang penting kuasa kita kekal bawah Barisan Nasional," katanya.

Najib sudah boleh tidur lena dalam urusan pemilihan calon. Tetapi cabaran beliau menghadapi pilihan raya umum yang pertama selaku Presiden Umno dan Perdana Menteri tidak terhenti di situ.

Pesaing-pesaing kepada BN juga mengambil langkah yang sama. Meletakkan calon yang boleh menang.

Pilihan raya memang disaingi untuk menang. Setiap parti mahu meletakkan calon yang boleh menang. Mereka bertanding bukan untuk mahu kalah.

Jadi, soal calon boleh menang bukan perkara baru dalam dunia politik dan arena pilihan raya. Tetapi ia dijenamakan semula bagi menghadapi pilihan raya umum ke-13. Itu pokoknya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/slogan-calon-boleh-menang-bukan-baru-umno-beri-najib-lesen-besar/>